



JUARA Kolej Kediaman Excellent, naib juara Non Resident, dan tempat ketiga Kolej kediaman BETA (Labuan).

Kolej Kediaman Excellent UMS juara badminton Karsukol 2018

UB 15.12.2018

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Excellent muncul juara apabila menewaskan Non Resident 2-1 dalam perlawanan akhir Kejohanan Badminton Karnival Sukan Kolej Kediaman (Karsukol) baru-baru ini.

Kolej Kediaman Emembawa pulang tropi kejuaraan.

Antara pasukan terlibat dalam kejohanan Karsukol UMS ini ialah Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Tun Mustapha, Kolej Kediaman

All

Sri Angkasa, Kolej Kediaman BETA (Labuan), Kolej kediaman Lestari (Sandakan) Non Resident dan Kolej Kediaman Usia.

Kejuaraan ini merupakan penebus kekecewaan buat pemain Kolej Kediaman Excellent yang hanya merangkul naib juara pada kejohanan Karsukol yang lepas.

Pemain-pemain Kolej Kediaman Excellent terdiri daripada Rahim Rahman, Nujilam Abd Gafar, Honey

Church Shim dan Nelcilla Nelzah Nukili.

Sementara itu salah seorang pemain Kolej Kediaman Excellent Rahim Rahman tidak menyangka pasukannya mampu bergelar juara kerana pernah tewas pada perlawanan menentang pasukan Non Resident pada edisi Excellent yang lepas.

Katanya, saingan sengit antara pasukan yang menyertai membuatkan kejohanan ini mempunyai kualiti yang tersendiri.

Katanya, faktor kejuaraan yang julung-julung kali ini disebabkan oleh semangat tidak mudah putus asa dan kerjasama antara satu pasukan.

“Rahsia kemenangan kami adalah kami bermain tanpa sebarang tekanan, hal ini membolehkan kami mampu menewaskan pasukan lawan.

Setiap pemain hendaklah mengawal kebimbangan dan tekanan yang ada pada dirinya, agar dapat fokus dalam permainan,” katanya